

Aplikasi Mudah Alih Perbandingan Agama

Muhamad Hilmee Izanee

KUIS, Kajang, Malaysia

muhamadhilmeeizanee@gmail.com

Abstrak

Tahun 2020 menyaksikan suatu peristiwa yang tidak terjangka oleh akal manusia yang mana semua manusia berkurung dan tidak keluar daripada rumah kerana takut akan wabak yang melanda dunia. Kesan daripada berkurung ini dunia pendidikan telah berubah dan beradaptasi demi menyesuaikan gaya pembelajaran jarak jauh. Kini tahun 2021 pendidikan secara dalam talian adalah norma baharu yang diterima baik secara meluas di dunia khususnya di Malaysia. Penggunaan aplikasi mudah alih sebagai alat bantu mengajar menjadi salah satu bentuk pembelajaran jarak jauh yang semakin giat dibangunkan dan digunakan. Bidang Pendidikan Islam turut tidak ketinggalan dalam menelusuri arus pemodenan dengan kemunculan aplikasi dan perisian mudah alih dalam pelbagai bidang seperti Tauhid, Fiqh, Hadith dan lain-lain. Bidang Perbandingan Agama juga mengambil kesempatan untuk meluaskan capaian pengguna menerusi aplikasi mudah alih. Sebuah prototaip aplikasi Perbandingan Agama telah dibangunkan dan diuji cuba dalam kalangan pengguna dan mendapati respon yang positif. Aplikasi mudah alih ini mempunyai masa depan yang cerah untuk dimanfaatkan oleh pengguna pada masa akan datang.

Kata Kunci: Aplikasi Mudah Alih, Perbandingan Agama,

1. PENGENALAN

Pendidikan Islam adalah antara bidang yang terkesan hasil dengan pembaharuan teknologi (Aliff et al. 2012). Proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dahulunya hanya berlaku dalam bilik darjah dan menggunakan bahan seperti buku-buku agama. Tetapi kini, dengan kemudahan internet menjadikan ilmu agama dapat dicapai menerusi laman web, internet, YouTube, laman sosial dan aplikasi sosial dengan hanya beberapa klik atau sentuhan pada paparan skrin telefon bimbit. (Aliff Naw, Mohd Isa Hamzah, Surina Akmal Abd Sattai 2014). Pandemik Covid-19 telah mengakibatkan banyak sekolah di dunia menghentikan operasi pembelajaran secara bersemuka dan beralih kepada pembelajaran secara dalam talian (Biagi & Costa 2020). Masih sedikit bilangan penulisan oleh golongan ahli akademik Muslim tentang teknologi aplikasi pintar. Bilangan aplikasi mudah alih berunsurkan Islam yang wujud di pasaran setakat tahun 2015 menurut Wikipedia hanya sebanyak 250 sahaja sedangkan jumlah keseluruhan aplikasi mudah alih yang wujud di pasaran adalah sebanyak 1.5 juta (Ronizam Ismail et al. 2016). Kajian bertujuan untuk membangunkan sebuah koswer yang akan

menggunakan pendekatan e-Learning iaitu pembelajaran menggunakan teknologi aplikasi mudah alih tentang subjek Perbandingan Agama yang membincangkan konsep ketuhanan dalam ajaran Islam dan Kristian bagi membantu meningkatkan penguasaan dan kefahaman mahasiswa terhadap konsep ketuhanan dalam ajaran Islam dan Kristian.

2. OBJEKTIF

Kajian ini menggariskan beberapa objektif yang ingin dicapai iaitu:

1. Untuk menganalisis keperluan membangunkan prototaip aplikasi mudah alih subjek Perbandingan Agama
2. Untuk membangunkan prototaip aplikasi mudah alih subjek Perbandingan Agama
3. Untuk menguji kebolegunaan prototaip aplikasi mudah alih subjek Perbandingan Agama

3. NILAI KEUNIKAN

Aplikasi mudah alih ini adalah yang pertama dibangunkan berkenaan tajuk Perbandingan Agama menggunakan Bahasa Malaysia. Aplikasi ini juga menggunakan pendekatan yang lebih interaktif dengan penggunaan visual yang menarik beserta elemen interaktif seperti kuiz.

4. KEBOLEHGUNAAN

Aplikasi mudah alih ini telah diuji cuba oleh pengguna sasaran yang terdiri daripada mahasiswa yang mengambil subjek Perbandingan Agama. Responden menunjukkan maklum balas yang positif dan menyokong penggunaan aplikasi mudah alih subjek Perbandingan Agama sebagai alat bantuan mengajar.

5. KESIMPULAN

Keberhasilan untuk membangunkan sebuah prototaip dalam kajian ini merupakan satu bukti konsep (proof of concept) bahawa sebuah aplikasi mudah alih bertemakan agama adalah mampu dan wajar untuk dibangunkan. Ini juga membuktikan bahawa penggunaan elemen multimedia khususnya penggunaan aplikasi mudah alih yang berbentuk courseware bertemakan pendidikan agama Islam adalah satu kaedah yang relevan dengan arus pembelajaran masa kini. Elemen teks, animasi dan gambar yang digunakan dalam prototaip courseware ini merupakan elemen yang penting bagi menjadikan pembelajaran lebih menarik berbanding kaedah pembelajaran konvensional yang hanya tertumpu kepada penggunaan teks sepenuhnya.

* Your write-up shall **NOT EXCEED 3 PAGES**.

* Submission of your write-up will be compiled in an e-monograph for e-isbn publication.